



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**  
*SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL*

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Setia Perdana 8  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3834  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

Rujukan Kami : KPKK(S)600-9/1/1 Jld.2 (19)

Tarikh : 8 Mei 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN  
PERLINDUNGAN SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Izinkan saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, semua pejabat kerajaan telah mula beroperasi sepenuhnya mulai 4 Mei 2020 selaras dengan perutusan YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2020. Bagi menentukan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan perlindungan yang optimum dan berkesan, Pegawai Keselamatan Kerajaan diberi kuasa untuk menasihati dan membantu serta menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan keselamatan di semua jabatan secara bebas sepertimana di para 30 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

...2/-


3. Dalam hubungan ini, "**Garis Panduan Pelaksanaan Inspektorat Keselamatan Perlindungan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)**" disediakan sebagai panduan kepada kementerian/ jabatan/ agensi Kerajaan dalam menghadapi inspektorat keselamatan perlindungan yang akan dilaksanakan bermula 1 Jun 2020.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Garis Panduan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOND SALLEHUDDIN BIN HASSAN)**

s.k.

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN INSPEKTORAT  
KESELAMATAN PERLINDUNGAN SEMASA DAN PASCA  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan inspektorat keselamatan perlindungan di sesuatu organisasi semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

**2. LATAR BELAKANG**

YAB Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa mulai 4 Mei 2020 semua pejabat kerajaan akan mula beroperasi sepenuhnya tertakluk kepada syarat-syarat garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam dan *essential services* sentiasa berada di tahap yang baik serta efektif, inspektorat keselamatan perlindungan berterusan hendaklah dilaksanakan mengikut norma baharu.

Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan Sektor Awam dan pasukan inspektorat hendaklah memastikan pematuhan kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai langkah pencegahan berterusan penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Jabatan Sektor Awam hendaklah juga memastikan langkah-langkah Keselamatan Perlindungan dipatuhi sepenuhnya semasa inspektorat dilaksanakan di organisasi masing-masing. Langkah-langkah ini meliputi Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan ICT dan persekitaran, Keselamatan Peribadi serta perancangan kontingensi sesuatu organisasi.

### **3. LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIPATUHI**

Langkah-langkah yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan inspektorat keselamatan perlindungan di sesuatu organisasi semasa tempoh dan pasca PKPB adalah seperti berikut:

#### **3.1 Langkah-Langkah Umum**

- (i) Memastikan pegawai yang terlibat dengan inspektorat bebas dari sebarang gejala (demam, batuk, selsema);
- (ii) Mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang- kurangnya satu (1) meter;
- (iii) Elakkan sebarang sentuhan (*body contact*);
- (iv) Mengamalkan penggunaan *hand sanitizer* secara kerap;
- (v) Memakai *face mask* setiap masa; dan
- (vi) Memastikan pengendalian maklumat rahsia rasmi

kerajaan sentiasa dipelihara dengan mematuhi Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

### **3.2 Tindakan Ketua Jabatan Sektor Awam**

- (i) Melaksanakan pemeriksaan suhu badan kepada pasukan inspektorat;
- (ii) Menyediakan tempat/bilik perbincangan yang bersih dan selamat;
- (iii) Meminimumkan bilangan pegawai semasa pelaksanaan inspektorat; dan
- (iv) Mengemukakan dokumen-dokumen pembuktian melalui emel atau media storan yang sesuai.

### **3.3 Tindakan Pasukan Inspektorat**

- (i) Mengenalpasti sesuatu organisasi yang bebas daripada kes jangkitan Covid-19;
- (ii) Meminimumkan keanggotaan pasukan inspektorat semasa pelaksanaan inspektorat keselamatan perlindungan;
- (iii) Penumpuan hanya kepada skop utama inspektorat;
- (iv) Menghadkan tempoh masa pelaksanaan inspektorat; dan
- (v) Lawatan *on-site* dilaksanakan jika perlu.

#### **4. PENUTUP**

Garis Panduan ini menjelaskan pelaksanaan inspektorat keselamatan perlindungan di sesuatu organisasi untuk dijadikan rujukan semasa dan pasca PKPB.

## **SENARAI EDARAN KEMENTERIAN:**

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam
2. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya
5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
6. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
7. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan
8. Ketua Setiausaha  
Kementerian Alam Sekitar dan Air
9. Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Manusia
10. Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan
11. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

12. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi
13. Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
14. Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri
15. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan
16. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
17. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
18. Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri
19. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna
20. Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
21. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
22. Ketua Setiausaha  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
23. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi



24. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
25. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
26. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara
27. Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan

**SENARAI EDARAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI:**

28. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
29. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
30. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
31. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
32. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
33. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
34. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

35. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
36. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
37. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
38. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
39. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
40. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak